

Dana RM15.6 bilion biayai program bantuan

Laporan Magendran Rajagopal dan Mohd Anwar Patho Rohman

KUALA LUMPUR, Isnin - Kerajaan menubuhkan 47 dana dengan nilai pembiayaan RM15,625 juta di bawah pengelolaan beberapa agensi berkaitan untuk pelbagai program bantuan kepada rakyat, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau yang juga Menteri Kewangan berkata, bantuan menerusi Tabung Pemulihan

Industri Kecil dan Sederhana (IKS) serta Tabung Pembangunan dan Pemulihan Usahawan adalah bagi membantu usahawan yang menghadapi masalah aliran tunai dan terjejas akibat kegawatan ekonomi.

Katanya, bagi membantu golongan peniaga atau peniaga kecil pula, dana disalurkan melalui Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (Tekun) di bawah Yayasan Tekun dan skim pinjaman Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM).

"Kerajaan juga menyediakan tabung dan dana khusus

untuk rakyat miskin di bandar dan luar bandar seperti Skim Pinjaman Kredit Padi, Skim Pembiayaan Ikhtiar Nelayan dan Skim Pembiayaan Ibu Tunggal.

"Bagi usahawan belia, sebanyak RM20 juta disediakan bagi membantu mereka menjalankan pemiagaan," katanya menjawab soalan Muhammad Mustafa (Pas-Peringat) pada sidang Dewan Rakyat, hari ini.

Pada masa yang sama, jelas beliau, kerajaan jugaewartakan Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002 bagi memperbaiki keberke-

sanan operasi institusi kewangan pembangunan.

Antara lain, Bank Pembangunan dan Infrastruktur Malaysia Berhad, Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad, Bank Industri dan Teknologi Malaysia Berhad, Bank Kerjasama Rakyat Malaysia dan Bank Simpanan Nasional.

Selain itu, Dr Mahathir berkata, kerajaan juga menubuhkan Unit Aduan dan Pengawasan Pinjaman selain Unit Pembangunan Bumiputera di Bank Negara Malaysia manakala insti-

tusi perbankan pula dikehendaki menubuhkan

unit aduan bagi menangani masalah pelanggan berhutang pinjaman IKS.

Menjawab soalan Lim Bee Kau (BN-Padang Serai) pula, Dr Mahathir berkata, bagi menggalakkan pelaburan dalam sektor yang diberi keutamaan, tabung khusus seperti Tabung Usahawan Baru (TUM), Tabung Perkapalan dan Tabung Khas Pelancongan turut sediakan.

Beliau juga memberitahu



Dewan Rakyat, kerajaan menggalakkan graduan muda yang ingin menjadi usahawan supaya menimba pengaiaman bekerja di syarikat tertentu terutama dalam bidang pengurusan.

Katanya, pengalaman bekerja amat penting bagi usahawan muda kerana ia boleh memberi keyakinan kepada bank untuk memberi pinjaman jika ingin memulakan pemiagaan.